

**MODUL  
BAHASA MELAYU  
SJK  
TAHUN 5  
UNIT 19 PERNIAGAAN SUMBER  
REZEKI**

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_



## UNIT 29 PERNIAGAAN SUMBER REZEKI

### Mari Berniaga

Chan Ho, Kishan dan Fahim ahli Persatuan Bahasa Melayu. Mereka bercadang untuk mengadakan aktiviti perniagaan semasa Hari Kokurikulum.


#### Cadangan 1:

#### TAYANGAN FILEM

Bayaran: RM10.00

#### Keperluan:

- peralatan tayangan filem
- filem yang akan ditayangkan
- tiket



#### Cadangan 2:

#### UJI MINDA ANDA

Bayaran: RM5.00

#### Keperluan:

- soalan uji minda tentang ekonomi
- alat tulis
- hadiah



Chan Ho : Selamat pagi Fahim, Kishan. Sekolah kita akan mengadakan Hari Kokurikulum. Saya bercadang untuk mengadakan aktiviti bagi pengunjung yang datang.

Fahim : Selamat pagi Cha Ho. Saya fikir kita patut \_\_\_\_\_ . Kita boleh mengutip bayaran daripada mereka.

Kishan : Saya bersetuju dengan cadangan kamu. Kita boleh menggunakan hasil keuntungan untuk menampung aktiviti lawatan sambal belajar persatuan kita.

Chan Ho : Saya bercadang \_\_\_\_\_

Kishan : Wah, menarik cadangan kamu ! Namun begitu saya rasa kita \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_

Fahim : Saya setuju. Lagipun keperluannya \_\_\_\_\_ hasilnya \_\_\_\_\_

Chan Ho : Baiklah kawan kawan kita sepakat \_\_\_\_\_

## Usaha Gigih

Memberikan respons berdasarkan maklumat tersurat dan tersirat

Yi Jung sepupu Yi Ying. **Dia selalu membantu ibunya menyediakan kuih-muih.** Setiap pagi, dia akan membawa kuih itu ke restoran jiraninya. Pada sebelah petang, dia mengambil wang jualan lalu memberikan wang itu kepada ibunya.

Selain itu, Yi Jung tidak suka membuang masa. Pada hujung minggu, dia akan membantu ibunya berjaya sayur. Banyak pelanggan membeli sayur yang dijual oleh mereka.

Sementara itu, Yi Jung juga berusaha mencari pendapatan tambahan untuk menyara keluarganya. Dia menjual barang lusuh. Dia akan mengumpulkan barang lusuh sebelum menjualnya kepada pembeli. Dia menyimpan wang hasil jualan itu di bank. Walaupun sibuk dengan perniagaan, Yi Jung tidak pernah mengabaikan pelajarannya.

Akhirnya, Yi Jung berjaya mendapat ijazah dalam bidang ekonomi. Kini, dia ahli perniagaan yang berjaya.

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat	Respons

## Hasil Usaha Kakakku

### Membina ayat dengan betul



Kishan : Kawan-kawan, lihatlah Facebook kakak saya. Dia menjual kraf tangan yang dibuatnya. Apakah pendapat kalian tentang kraftangan yang dibuat oleh kakak saya.

Chan Ho : Wah, cantiknya !. Pada pendapat saya, kakak kamu \_\_\_\_\_  
Semua kraf tangan \_\_\_\_\_ -

Yi Ying : Saya bersetuju dengan pendapat Chan Ho., Fahim. Pada pendapat kamu, apakah yang menyebabkan kraf tangan yang dijualnya laris?

Fahim : Pada pendapat saya \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_

Apakah cara lain yang sesuai untuk memasarkan barang jualan selain memasarkannya dalam laman maya? Jelaskan

---

---

---

---

## Berniaga Amalan Mulia (mengubah suai cerita)

<p>Seawal subuh, ketika suasana hening di desa, Pak Dini telah menyediakan nasi lemak dan mi goreng. Isterinya pula tekun membuat pelbagai jenis kuih tradisional. Mereka bekerja bagai lipas kudung walaupun telah berusia.</p> <p>Selepas itu, mereka bergegas ke warung. Tanpa berlengah, mereka menyediakan tiga balang air untuk diberikan secara percuma kepada pelanggan mereka.</p> <p>Sebaik-baik sahaja warung dibuka, pelanggan datang berduyun-duyun. Tidak menang tangan mereka melayani pelanggan. Kebanyakan pelanggan mereka orang tempatan. Semasa berniaga, senyuman sentiasa terukir pada wajah mereka. Mereka peramah dan bersopan santun juga.</p> <p>Mereka bersyukur dengan rezeki yang tidak pernah putus. Rezeki itu juga dikongsikan dengan orang yang memerlukannya. Sebelum pulang, mereka menyediakan makanan untuk penghuni rumah anak yatim.</p> <p>Itulah rutin harian Pak Dini dan isterinya bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa.</p>	 <p>Encik Azli peniaga restoran. Dia berniaga di bandar.</p>  <p>- awal pagi - bersiap sedia - makanan - roti canai, nasi lemak</p> <hr/>  <p>- sambutan baik - pelanggan - pelancong asing</p> <hr/>  <p>- sering mengukir senyuman - enak - popular - harga berpatutan</p> <hr/>  <p>- bersyukur - rezeki mencurah-curah - sebelum pulang - membersihkan</p> <hr/>
--	---

## KEDAI KEK MURNI

### Bina ayat perintah



Bahan rangsangan	Ayat
<p>Puan, semua kek dan roti ini enak. </p> <p><b>sila</b></p>	
<p>Adik, itu kotak keknya. </p> <p><b>tolong</b></p>	
<p>Terima kasih saya ucapan kerana membeli kek di kedai ini, puan. </p> <p><b>harap</b></p>	
<p>Puan, ini kad perniagaan saya. </p> <p><b>minta</b></p>	